



LEMBU yang dilepaskan berkeliaran di Kampung Batu 9, Chukai mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya.

Unit Flying Skuad ronda jejak ternakan terbiar

? SEBAGAI seorang pengguna jalan raya yang sering melalui jalan Kampung Batu 9, Ibok dekat sini, saya berasa kesal dengan sikap pemilik ternakan membiarkan lembu berkeliaran di jalan raya kampung itu.

Hampir setiap hari saya melalui jalan kampung itu dengan memandu kereta ke bandar Chukai, sentiasa berdepan dengan lembu yang dilepas bebas oleh pemiliknya dan boleh mengundang bahaya berlaku kemalangan.

Saya sebenarnya sudah beberapa kali hampir terlanggar lembu berkeliaran itu tetapi bernasib baik kerana sempat mengelak daripada berlaku kejadian tidak diingini.

Oleh itu, saya berharap pihak Majlis Perbandaran Ke-

maman (MPK) bertindak segera dengan menangkap lembu yang berkeliaran di sepanjang jalan kampung itu sebelum berlaku kemalangan yang mungkin boleh meragut nyawa pengguna jalan raya itu.

Berita Harian, bulan lalu pernah melaporkan masalah itu yang dihadapi pengguna jalan raya yang berdepan lembu berkeliaran apabila melalui jalan Kampung Batu 9.

PENGGUNA SELAMAT,
*Kampung Ibok,
Chukai, Kemaman.*

KEPADA pengadu yang menamakan dirinya **PENGGUNA SELAMAT** dari Kampung Ibok, Chukai, Kemaman, ingin saya maklumkan bahawa menerusi Unit Flying

Skuad Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) sentiasa menjalankan rondaan pengawasan terhadap ternakan yang berkeliaran dalam kawasan pentadbiran majlis ini.

Setiap bulan unit ini akan membuat rondaan sebanyak tiga kali sebulan selain rondaan yang dibuat selepas menerima aduan orang ramai yang memaklumkan mengenai ternakan lembu dan kambing yang dibiarkan bebas berkeliaran di jalan raya oleh pemiliknya.

Untuk pengetahuan, sepanjang bulan Mei ini, Unit Flying Skuad MPK telah menangkap empat lembu yang berkeliaran di Bandar Baru Kertih dalam operasi rondaan menangkap ternakan itu. Unit ini juga ka-

dangkala membuat rondaan pada waktu malam selepas menerima aduan orang ramai yang memaklumkan lokasi banyak lembu berkeliaran di atas jalan raya.

Lembu yang ditangkap akan disimpan di kandang MPK dan pemilik yang ingin mendapatkan semula ternakan mereka akan dikenakan kompaun kerana membiarkan lepas bebas dan bayaran penebusan bagi setiap ternakan yang ditangkap.

Setiap kompaun dikeluarkan akan dikenakan bayaran RM250, manakala penebusan untuk setiap ternakan seperti lembu dan kambing akan dikenakan antara RM30 hingga RM500.

MUSTAFAR KHALID,
Yang DiPertua MPK.